

# Hussein: Umno perlu waris pemimpin parti

**KUALA LUMPUR.** Jumaat — Datuk Hussein Onn hari ini mengakhiri tugasnya sebagai Presiden UMNO dengan amanat pucuk pimpinan parti itu yang baru mesti berganding bahu membentuk satu barisan pemimpin UMNO yang kuat demi kepentingan parti, bangsa, agama dan negara.

Katanya, UMNO tidak harus gagal dalam tugas menyediakn barisan-barisan pemimpin yang penuh kaliber bagi membawa parti dari satu kemuncak kejayaan kepada satu kemuncak kejayaan yang lain.

Beliau yang juga Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli UMNO, dalam menantikan peranan dan meneruskan perjuangan, UMNO memerlukan barisan pemimpin yang dapat mewarisi kepimpinan parti dari satu masa ke satu masa.

"Saya harap mereka yang berjaya nanti, bersama dengan Presiden Parti, akan berganding bahu membentuk satu barisan pemimpin parti yang kuat," tegas beliau.

Datuk Hussein membuat amanat terakhir ini di upacara perasmian Perhimpunan Agung UMNO Malaysia Ke 32, di Dewan Nirwana, Hotel Hilton, di sini pagi ini.

Inilah ucapan dasar Datuk Hussein yang terakhir kepada ahli-ahli UMNO sebelum mengundur diri dari pemimpin parti itu.

Ucapan setengah jam itu menyentuh tentang perpisahannya dengan ahli-ahli Parti, pemilihan pucuk pimpinan UMNO, perjuangan dan pencapaian parti, pelajaran, ekonomi, perpaduan, sistem pemerintahan negara, masalah sosial dan agama.

Semua Menteri Kabinet, termasuk para pemimpin parti komponen Barisan Nasional di antara kira-kira lebih 3,000 orang menghadiri majlis perasmian itu.

Datuk Hussein berkata, beliau penuh yakin Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan kerjasama semua pihak, akan membawa parti dan negara kepada satu tahap kejayaan

yang lebih cemerlang.

Bagi pihak dirinya sendiri dan UMNO seluruhnya, Perdana Menteri mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir yang telah dipilih sebagai Presiden UMNO yang baru.

Datuk Hussein berharap mereka yang bertanding berbagai jawatan tertinggi parti mengeneipkan sebarang perasaan yang timbul bila selesainya pemilihan itu, dan sebaliknya diisi dengan semangat kerjasama dan perpaduan.

Beliau menegaskan, setelah wujud selama 35 tahun, UMNO terus teguh dan kekal sebagai teras politik negara dan sebagai parti utama yang mendukung Kerajaan.

Katanya, dengan sumbangan UMNO, hak dan kepentingan kaum bumiputera, kedudukan agama Islam dan Bahasa Malaysia telah dapat dipelihara.

Di samping memainkan peranan utama di dalam pembangunan negara.

"Walaupun kita dapat berbangga dengan kemajuan-kemajuan yang telah kita capai setakat ini, kita harus berusaha dengan lebih giat dan dedikasi lagi untuk terus maju," ujarnya.

Beliau mengingatkan kembali bahawa UMNO ditubuhkan untuk menempas gagasan Malayan Union, mem-

perjuangkan kemerdekaan negara, mempertahankan kedudukan bahasa dan bangsa Melayu, Islam dan Raja-raja.

Katanya lagi, dengan semangat yang kuat, usaha yang gigih dan kerjasama semua pihak kita telah mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, dengan ini segala masalah menentukan masa depan negara adalah menjadi tanggungjawab rakyat sendiri.

Katanya, perjuangan penting UMNO selepas Merdeka untuk meninggikan taraf hidup rakyat dari segi sosial dan ekonomi, membetulkan kepincangan-kepincangan yang kita warisi akibat pentadbiran penjajah dan membina satu negara yang adil dan bersatu padu.

Datuk Hussein menarik perhatian, UMNO sebagai parti yang terpenting di negara yang berbilang kaum ini, hendaklah memberi perhatian kepada masalah rakyat keseluruhannya.

Tegas beliau, hakikat ini sentiasa disadari oleh UMNO, oleh itu UMNO telah bersikap adil terhadap semua kaum.

Beliau memberi jaminan, dalam memperjuangkan nasib kaum Bumiputera, UMNO tidak mengeneipkan kepentingan kaum-kaum lain — yang kita tuntut adalah peluang untuk maju bersama-sama dengan kaum lain.

"Kepercayaan rakyat keseluruhannya dan parti-parti komponen dalam Perikatan dahulu dan Barisan Nasional sekarang terhadap UMNO adalah bukti kebijaksanaan pendirian dasar kita.

"Marilah kita meneruskan dasar ini dan mengekalkan UMNO sebagai teras politik negara," ujarnya lagi.

Datuk Hussein berkata, amalan demokrasi dalam UMNO dengan disiplinnya adalah satu perkara yang harus kita bangga dan kekalkan, kerana ia satu-satunya faktor yang menjadikan UMNO kukuh disokong oleh rakyat.

Menyentuh perpaduan negara, Datuk Hussein menegaskan, dalam sesebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia, kestabilan tidak boleh dianggap sebagai satu keadaan yang wujud dengan sendirinya dan akan kekal selama-lamanya tanpa asas-asas yang kukuh.

Asas kestabilan negara, tambah beliau, bergantung kepada perpaduan rakyat dan kita telah menetapkan landasan tertentu untuk memperkukuhkan perpaduan.

"Satu bahasa, satu kebudayaan dan satu sistem pelajaran adalah asas yang penting bagi perpaduan.

"Kita telah bersetuju dengan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, bahawa kebudayaan nasional hendaklah berteraskan kebudayaan pribumi dan generasi muda dididik melalui satu sistem pelajaran kebangsaan," katanya lagi.

Datuk Hussein menyatakan, untuk menjamin lahirnya perpaduan yang tulen seberapa cepat, setiap rakyat hendaklah jujur dan tegas memberi sumbangan terhadap pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Beliau mengingatkan, usaha mewujudkan masyarakat yang bersepadu adalah satu proses yang rumit dan memakan masa dan proses ini akan menjadi lebih rumit dan memakan masa yang lebih panjang lagi, sekiranya ada pihak-pihak yang ingin serta cuba memesonkan haluan kita.

No. Siri 12,000  
No. Penerbitan 3825/87

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia